



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KOMPETENSI KERJA PEGAWAI POLIS KONSTABEL DARI
CAWANGAN TUGAS AM, SHAH ALAM, SELANGOR**

MAZLAN BIN LAZIM

FPP L 1994 18

**KOMPETENSI KERJA PEGAWAI POLIS KONSTABEL
DARI CAWANGAN TUGAS AM, SHAH ALAM, SELANGOR.**

MAZLAN BIN LAZIM

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1994



**KOMPETENSI KERJA PEGAWAI POLIS KONSTABEL
DARI CAWANGAN TUGAS AM, SHAH ALAM,
SELANGOR.**

OLEH :

MAZLAN BIN LAZIM

**Kertas Projek ini disediakan sebagai
memenuhi sebahagian syarat Master Sains
Pembangunan Sumber Manusia di
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia.**

Julai 1994



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia Nya, saya telah dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas dan ribuan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Abu Daud bin Silong selaku penyelia kertas projek ini. Sebagai penyelia beliau telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang berkesan. Malah beliau telah juga mendedahkan pengalaman pembelajaran beliau kepada saya yang sukar dinilai dan dilupakan.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih dan rasa terhutang budi saya kepada Dr. Hj. Turiman Suandi serta Prof. Madya Dr. Hj. Saidin bin Teh yang turut memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyediaan kertas projek ini.

Tidak ketinggalan juga diucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengarah PPPL, Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Mohd Nasir bin Ismail, pensyarah-pensyarah serta kakitangan PPPL yang telah memberi bantuan, bimbingan dan ajaran sepanjang pengajian saya.



Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penolong Pesuruhjaya Polis Syed Abd. Rahman bin Syed Abd. Kadir, Ketua Polis Daerah Shah Alam yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Juga tidak lupa ucapan ribuan terima kasih kepada Penguasa Polis Hashim bin Sharat , Penolong Penguasa Polis Mohd Hazam bin Abd. Halim, kerana membantu saya dalam penyediaan kertas projek ini.

Kepada semua rakan-rakan dan kenalan saya terutama Omar, Norazmi dan Lee yang telah memberikan sumbangan fikiran dan juga material, saya ucapkan ribuan terima kasih dan jasa anda amat dihargai. Secara khusus saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada En. Ghazali bin Hasan dan Puan Junainah binti Abd. Manan kerana turut membantu dalam proses penyediaan kertas projek ini.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terhutang budi kepada isteri saya Anizah bte Musa serta anak-anak yang disayang Aalia, Aalin dan Amani yang telah memberikan sokongan, galakan dan sabar menghadapi masalah semasa saya menyiapkan kertas projek ini.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xvii

BAB

I PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Latar Belakang Masalah	7
Kenyataan Masalah	13
Objektif Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Skop Kajian	15
Definisi Istilah	16

II TINJAUAN BAHAN BERTULIS

Definisi Kompetensi	18
Kerangka Kompetensi yang piawai	20
Keperluan Kompetensi Kerja	26
Organisasi Polis Di Raja Malaysia	40
Kompetensi Profesional Pegawai Polis Konstabel Cawangan Tugas Am	48
Tinjauan Penemuan Kajian yang Lepas ...	51
Rumusan	55

III METODOLOGI

Kawasan Kajian	57
Populasi Kajian	59
Pembentukan Instrumen	63
Prauji Soal Selidik	74
Pengumpulan Data	75
Analisis Data	76



IV	Hasil Kajian	
	Maklumat Latar Belakang Responden	77
	Kelompok-kelompok Kompetensi dan Aktiviti Kompetensi Pegawai Polis Konstabel di Cawangan Tugas Am	84
	Maklumat Guna Masa Kompetensi Kerja ...	94
	Maklumat Kepentingan Kompetensi Kerja..	113
	Maklumat Kerumitan Kompetensi Kerja ...	134
	Maklumat Kekekapan Kompetensi Kerja ...	154
V	Ringkasan, Perbincangan dan Cadangan	
	Ringkasan	173
	Kesimpulan Hasil Kajian	175
	Perbincangan	180
	Cadangan	185
	Cadangan untuk Kajian Akan Datang	187
	BIBLIOGRAFI	189
	LAMPIRAN	
	A Pangkat Polis	194
	B Carta Organisasi PDRM	195
	C Peta Bandar Shah Alam	196
	D Borang Catitan Pemerhatian Kerja ..	197
	E Borang Soalselidik	198
	F Surat-surat Berkaitan Kebenaran Menjalankan Kajian	214
	LATAR DIRI	220

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Taburan Pegawai Polis yang dikenakan Tindakan Tatatertib Mengikut Kontinjen 1988 - 1992	5
2. Taburan Tindakan Tatatertib Bagi Pegawai Polis Konstabel Mengikut Kesalahan 1990 - 1992	6
3. Kekuatan Pasukan Polis Mengikut Pangkat ...	8
4. Jumlah Kesalahan yang dikenakan dan Surat Tohmahan yang Diterima oleh Pegawai Polis Konstabel Tugas Am	12
5. Populasi Pegawai Rendah Polis Cawangan Tugas Am, 1994.	60
6. Jumlah Responden Mengikut Balai Tempat Bertugas, 1994	62
7. Nilai Kebolehpercayaan Alat Kajian	75
8. Taburan Responden Mengikut Jantina, 1994 ..	78
9. Taburan Responden Mengikut Umur, 1994	79
10. Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan, 1994	79
11. Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik, 1994	80
12. Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan, 1994	81
13. Taburan Responden Mengikut Kekerapan Berkhidmat di Cawangan Lain, 1994	82
14. Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menghadiri Latihan, 1994	83
15. Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal, 1994	83



16.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Mengikut Kelompok Kompetensi, 1994 ...	94
17.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Di Pejabat Pertanyaan), 1994	96
18.	Tanggapan Respoden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Lokap), 1994	98
19.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Pos balai),1994 ...	99
20.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melaksanakan Ronda dan Bit), 1994	101
21.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Operasi Cegah Jenayah),1994.....	103
22.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Di Sekatan Jalan Raya),1994	105
23.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menyempurnakan Saman/Waran dan Sapina) , 1994	106
24.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengeskot VIP dan Pegawai Kerajaan), 1994	107
25.	Tanggappan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melawat Sektor Balai Kawasan Balai) , 1994	109



26..	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Orang Tahanan di Hospital) , 1994	110
27.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menjaga Keamanan) , 1994	111
28.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Guna Masa Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Pentadbiran Diri) , 1994	112
29.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Mengikut Kelompok Kompetensi, 1994	114
30.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (di Pejabat Pertanyaan) , 1994	116
31.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Lokap) , 1994	117
32.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Pos Balai) , 1994	119
33.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melaksanakan Ronda dan Bit) , 1994	121
34.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Operasi Cegah Jenayah) , 1994 .	
35.	Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (di Sekatan Jalan Raya) , 1994	125



36. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menyempurnakan Saman, Waran dan Sapina), 1994	126
37. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengeskot VIP dan Pegawai Kerajaan) , 1994	128
38. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melawat Sektor Balai) , 1994	129
39. Tanggapan Resonden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawai Orang Tahanan di Hospital) , 1994	130
40. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menjaga Keamanan) , 1994	132
41. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kepentingan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Pentadbiran Diri) , 1994	133
42. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Mengikut Kelompok Kompetensi , 1994	135
43. Tanggapan Resonden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (di Pejabat Pertanyaan) , 1994	137
44. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Lokap) , 1994	139
45. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Pos Balai) , 1994	141



46. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melaksanakan Ronda dan Bit), 1994	143
47. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Operasi Cegah Jenayah) , 1994	145
48. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (di Sekatan Jalan Raya) , 1994	146
49. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menyempurnakan Saman, waran dan Sapina) , 1994	148
50. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Eskot VIP dan Pegawai Kerajaan) , 1994	149
51. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melawat Sektor Balai) , 1994	150
52. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Orang Tahanan di Hospital) , 1994	151
53. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menjaga Keamanan) , 1994	152
54. Tanggapan Responden Terhadap Tahap Kerumitan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Pentadbiran Diri) , 1994	153
55. Tanggapan Responden Terhadap Kekerapan Mengikut Kelompok Kompetensi , 1994	155



56.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (di Pejabat pertanyaan), 1994	157
57.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Lokap), 1994	159
58.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Pos Balai), 1994	160
59.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Melaksanakan Ronda dan Bit) , 1994	162
60.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Operasi cegah Jenayah), 1994	164
61.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Di Sekatan jalanraya), 1994	165
62.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Menyempurnakan Saman, Waran dan Sapina), 1994	166
63.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Eskot VIP dan Pegawai Kerajaan), 1994	167
64.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi (Melawat Sektor Balai), 1994	168
65.	Tanggapan Responden Terhadap Keekerapan Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok Kompetensi (Mengawal Orang Tahanan di Hospital), 1994	170



66. Tanggapan Responden Terhadap Kekerapan
Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok
Kompetensi (Menjaga Keamanan), 1994 171
67. Tanggapan Responden Terhadap Kekerapan
Aktiviti Kompetensi bagi Kelompok
Kompetensi (Pentadbiran Diri), 1994 172

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Kompetensi yang Piawai	21
2	Hubungan di antara Tugas, Program Latihan dan Pelatih yang Kompeten	25
3	Pengukuran Kerja	32
4	Organisasi Polis Peringkat Atasan	41
5	Carta Organisasi Peringkat Kontinjen	46
6	Carta Ringkas Organisasi Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam	47
7	Kerangka Kerja WPSS	64

ABSTRAK

Abstrak kertas projek ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

KOMPETENSI KERJA PEGAWAI POLIS KONSTABEL DARI CAWANGAN TUGAS AM, SHAH ALAM, SELANGOR.

Oleh

Mazlan bin Lazim

Julai 1994

Penyelia : Prof. Madya Dr. Abu Daud bin Silong

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan
Lanjutan.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti keperluan kompetensi kerja pegawai polis konstabel Cawangan Tugas Am. Kajian ini juga akan menentukan tahap guna masa, kepentingan, kerumitan dan kekerapan kompetensi tersebut.

Sistem Survei Prestasi Kerja (WPSS) telah digunakan untuk mengenal pasti kompetensi kerja. Tiga teknik yang digunakan untuk mengumpul data WPSS ialah melalui pemerhatian, analisis kandungan kerja dan temuduga.

Seramai 53 responden telah dipilih daripada pegawai polis konstabel yang bertugas di Cawangan Tugas Am di Ibu Pejabat Daerah Polis, Shah Alam, Selangor.



Tiap-tiap responden ditemuduga dengan menggunakan borang soal selidik. Data yang dikumpul kemudiannya telah dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package for Social Science" (SPSS).

Kajian telah mengenal pasti 12 kelompok kompetensi dan 83 aktiviti kompetensi. Hasil kajian juga menunjukkan 72 aktiviti kompetensi pada tahap guna masa yang sedikit dan 11 aktiviti kompetensi pada tahap guna masa yang sederhana. Maklumat tentang tahap kepentingan aktiviti kompetensi didapati semua aktiviti kompetensi sangat penting. Kajian tentang tahap kerumitan mendapati 70 aktiviti kompetensinya berada pada tahap sederhana rumit dan 13 lagi pada tahap yang tidak rumit. Manakala, maklumat tentang tahap kekerapan pula 40 aktiviti kompetensinya adalah kerap, 40 aktiviti kompetensi sederhana kerap dan 3 aktiviti kompetensi adalah tidak kerap.

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa cadangan telah diutarakan untuk meningkatkan tahap kompetensi kerja mereka. Antara lain mereka patut diberi latihan dalam perkhidmatan, borang penilaian yang sesuai dan berkesan, sistem pengaturan kerja yang sempurna, fail meja yang lengkap dan sempurna dan sistem peningkatan produktiviti kerja.

ABSTRACT

Abstract of project paper submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for degree of Master of Science.

JOB COMPETENCIES OF POLICE CONSTABLES IN GENERAL DUTY SECTION, SHAH ALAM, SELANGOR.

By

Mazlan bin Lazim

Julai, 1994

Supervisor : Prof. Madya Dr. Abu Daud bin Silong

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

This study seeks to identify the job competencies needed by police constables from the General Duty Section. The study also aims to determine the level of time spent, the importance, the difficulty and frequency of the identified job competencies.

The Work Performance Survey System (WPSS) was used to identify the job competencies in the study. Three techniques used to gather the WPSS data were observations, content analysis and interviews.

A total of 53 respondents were selected from a group of police constables of the Shah Alam Police Headquarters.



Each respondent was interviewed by using questionnaire schedules. The data were later analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS).

The study identified 12 areas of competencies comprising 83 competency activities. The study also indicated that 72 competency activities were at low level of time spent and only 11 competency activities had moderate level of time spent. The information on the importance of competency activities indicated that all competency activities were important. On the study of difficulty level of competency activities it was discovered that 70 competency activities were moderately difficult while 13 were considered having no difficulty. Whereas, the information on frequency level showed that 40 competency activities occurred at high frequency, 40 competency activities at moderate level of frequency and only 3 competency activities not frequent.

Based on the results of the study, several recommendations were highlighted in order to elevate the job competencies for the police constables. They should be provided with, among others, in-service training program, appropriate and effective appraisal forms, a proper work schedule, a complete job manual and a system whereby they can increase work productivity.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pasukan Polis Diraja Malaysia dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai Pasukan Keselamatan mempunyai hubungan yang terus dan rapat dengan semua lapisan masyarakat. Fungsinya ialah untuk mencegah dan mengintip jenayah, menangkap dan mendakwa serta mengumpul risikan keselamatan (Akta Polis, 1967, Seksyen 3 (3)).

Tugas yang dijalankan oleh anggota dan pegawai polis amat mencabar dan memerlukan kesabaran. Pada tahun 1993 populasi di Malaysia mencapai lebih kurang 17 juta, manakala jumlah pegawai polis hanya sebanyak 77,641 orang. Berdasarkan data tersebut nisbah pegawai polis dengan penduduk di Malaysia ialah seorang pegawai polis perlu menjaga 219 rakyat. Oleh itu, wajarlah pasukan polis meningkatkan kompetensi kerja pegawainya bagi mencapai objektif seperti yang dinyatakan di dalam etika Polis Diraja Malaysia.



Etika tersebut ialah seperti berikut :

1. Setiap pegawai polis mesti menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara Dan Pasukan Polis Diraja Malaysia.
2. Setiap pegawai polis mesti mengekalkan tahap disiplin yang tinggi setiap masa seperti beramanah, berakhlak tinggi, patuh kepada perlembagaan, undang-undang, serta peraturan-peraturan negara dan perkhidmatan polis.
3. Setiap pegawai polis memerlukan kecekapan perkhidmatan iaitu memiliki kepakaran dalam bidang undang-undang, menguasai segala arahan dan peraturan polis serta cekap dalam pelaksanaan tugas kepolisian.
4. Setiap pegawai polis perlu berkhidmat dengan cemerlang dengan memberikan perkhidmatan secara adil, berani, tegas, sabar, dedikasi dan peka terhadap kehendak-kehendak masyarakat.

Berdasarkan Etika Pasukan Polis di atas Pasukan Polis perlu menumpukan sepenuh taat setia, berdisiplin serta berkhidmat dengan cekap dan cemerlang. Oleh itu pegawai polis perlu melaksanakan kerja dengan cekap untuk mencapai objektif tersebut.

Dalam perutusan Ketua Polis Negara (KPN) sempena Perayaan Hari Polis pada 25 hb Mac, 1982, beliau telah menekankan tentang perlunya untuk meningkatkan kecekapan polis. Seterusnya YB KPN telah memberi panduan penting tentang langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Pasukan Polis dan mengelakkan pandangan negatif terhadap mereka.

Terdapat keraguan di kalangan masyarakat masakini terhadap tahap kompetensi Pasukan Polis. Media massa sering menyiarkan berita-berita tentang pegawai polis terlibat dengan perlakuan jenayah, najis dadah dan rasuah. Kejadian seperti itu dapat menjejaskan imej dan prestasi pasukan polis dan menyebabkan kurangnya keyakinan masyarakat terhadap pasukan ini.

Baru-baru ini akhbar " The Star" (27 November 1993), telah melaporkan tentang tindakan disiplin yang telah diambil terhadap beberapa pegawai polis Kontinjen Negeri Sembilan. Mereka telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang kurang sihat. Akibatnya 11 orang telah dibuang kerja manakala 17 lagi diminta memberi surat tunjuk sebab di bawah Perintah Am 45.

Berdasarkan laporan banyak lagi yang terlibat dalam pelanggaran tata tertib. Antaranya pegawai polis Kontinjen Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Di Pulau Pinang sahaja, 153 pegawai polis telah dikenakan tindakan tata tertib termasuk tindakan dibuang kerja. Ia melibatkan tiga orang berpangkat Penolong Penguasa Polis, lapan orang berpangkat Inspektor dan selebihnya pegawai polis konstabel. Mereka melakukan pelbagai jenis kesalahan jenayah.

Kajian (Ahmad Ragib, 1993) mendapati kontinjen-kontinjen polis yang terletak di pusat bandar besar mencatat rekod kesalahan tata tertib yang tinggi jika dibandingkan dengan kontinjen yang lain. Kontinjen Kuala Lumpur mencatatkan kesalahan sebanyak 2249 kes , Perak sebanyak 1260 kes, Johor sebanyak 1172 kes Pulau Pinang sebanyak 962 kes dan Selangor sebanyak 856 kes (Jadual 1).

Jadual 1

**Taburan Pegawai Polis yang dikenakan Tindakan
Tatatertib Mengikut Kontinjen 1988 - 1992**

Kontinjen	Tahun					Jumlah
	1988	1989	1990	1991	1992	
Sabah	172	190	144	132	96	734
Sarawak	211	131	66	116	141	665
Perlis	0	13	20	48	10	91
Kedah	149	160	102	195	197	803
P/Pinang	280	373	110	71	128	962
Perak	467	236	218	169	170	1260
Selangor	303	255	67	122	109	856
K/Lumpur	984	396	234	390	245	2249
N/Sembilan	92	127	56	202	132	609
Melaka	122	182	71	203	47	625
Johor	305	166	162	312	227	1172
Pahang	190	51	58	68	158	525
Trengganu	191	96	62	94	33	476
Kelantan	186	154	48	69	20	477
Jumlah	652	2530	1418	2191	1713	11504

Jumlah kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh pegawai polis peringkat konstabel sahaja bagi tahun 1990 ialah 1676 kes, 1991 sebanyak 2062 kes dan 1992 pula berjumlah 1618 kes (Jadual 2). Kesalahan